

23 OCT 2000

Parlimen-MSD

FORUM IAP PENTING UNTUK KUMPUL MAKLUMAT TERKINI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia yang terdiri daripada pakar dan ketua-ketua syarikat gergasi teknologi maklumat dunia penting bagi membolehkan Malaysia mendapatkan maklumat terkini dalam perkembangan teknologi, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Chia Kwang Chye berkata ini kerana semua pakar teknologi itu akan dapat bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta ahli-ahli IAP tempatan.

"Maklumat yang diperolehi melalui forum itu membolehkan Malaysia menangani isu-isu negatif yang mungkin mengganggu-gugat pelaksanaan projek MSC," katanya ketika menjawab soalan Wan Nik Wan Yussof (Pas-Bachok) dalam sesi soal jawab.

Chia berkata mesyuarat IAP keempat yang berlangsung Ogos lepas telah membuat keputusan untuk membantu syarikat-syarikat bertaraf MSC memasarkan produk dan perkhidmatan mereka ke peringkat antarabangsa.

Mesyuarat itu juga membuat rumusan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kepakaran teknologi "Mobile Commerce, Call Management Centre, E-commerce" serta membangunkan kepakaran Malaysia dalam bidang perubatan herba melalui pelaksanaan teleperubatan.

Beliau berkata mesyuarat IAP keempat itu juga bersetuju untuk membangunkan sistem latihan dan akreditasi dalam bidang teknologi maklumat untuk pengurus-pengurus peringkat menengah.

Ia juga bersetuju menubuhkan modal teroka bagi memenuhi keperluan syarikat MSC selain insentif-insentif khusus bagi mereka yang membuat pelaburan besar dalam projek MSC, katanya.

Chia berkata penubuhan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) pula ialah untuk merancang, merangsang dan memantau pelaksanaan projek MSC, selain berfungsi sebagai pusat bagi pelabur berurusan dengan kerajaan.

"Oleh yang demikian fungsi dan operasi IAP tidak langsung bertindih dengan MSC," katanya.

Kepada soalan tambahan Wan Nik, beliau berkata penetapan kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya bukan berada di bawah bidang kuasa kementerian berkenaan.

-- BERNAMA

AT MNY MAI